



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM-PROGRAM SEMPENA TAHUN MEMPERKASA WANITA 2018

PUTRAJAYA, 3 Januari - Dianggarkan sebanyak 345 program terkumpul sepanjang tahun 2018 telah direkodkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dalam usaha memperkasakan wanita di peringkat global. Ini sejajar dengan pengumuman Bajet 2018 untuk menjadikan tahun 2018 sebagai tahun cemerlang untuk wanita dalam memajukan diri dan juga ekonomi negara.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, JPW telah memulakan langkah strategiknya dengan membangunkan laman web “2GetHer” bermula pada November 2017 sehingga Disember 2017. Pelaksanaan program ini bagi mewujudkan ekosistem lestari bagi memastikan penambahan penyertaan wanita dalam industri baru yang akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa iaitu hab digital, kerjasama kolektif dan pemangkin pertubuhan pemimpin wanita.

Pemeriksaan wanita akan memberi penekanan kepada lima (5) kluster selaras dengan Dasar Wanita Negara iaitu : Kluster Wanita dan Kesihatan (gaya hidup, kecantikan dan Sukan), Kluster Wanita dan Keselamatan, Kluster Wanita dan Ekonomi, Kluster Wanita dan Pendidikan (Latihan dan Pembangunan Kapasiti) dan Kluster Wanita dan Budaya (Kesenian dan Budaya). Antara penekanan yang akan difokuskan adalah, sasaran bagi pencapaian mewajibkan 30% penyertaan wanita dalam Lembaga Pengarah GLC, GCLIC dan Badan Berkanun, usahawan wanita (DeWi), dan Bazar Laman Wanita. Usaha ini melibatkan kolaborasi di antara KPDNKK, SKMM dan MDEC.

Kementerian komited dalam memastikan wanita diberi pendedahan, maklumat, pengetahuan dan peluang dalam menjana diri dan berdaya saing bagi mendepani cabaran Revolusi 4.0. Bagi tahun 2018, tiada lagi wanita yang akan ketinggalan.

Adalah penting untuk setiap peringkat terlibat dalam sama-sama memberikan sokongan, pandangan dan cadangan kepada Kementerian dalam usaha memastikan wanita mampu berdaya saing, meningkatkan potensi diri dan sekali gus memperkasakan wanita dalam mengharungi cabaran Revolusi 4.0

Disediakan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Jabatan Pembangunan Wanita
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 25, No. 55 Persiaran Perdana
Presint 4 62100, PUTRAJAYA
Tel: 03-8323 1884/1885